



## ANNUAL EXECUTIVE NIGHT 2008

Majlis Makan Malam tahunan anjuran Persatuan Mahasiswa Perniagaan & Ekonomi telah berlangsung dengan penuh meriah baru-baru ini dengan kehadiran hampir 200 orang hadirin. Kehadiran Dekan, Prof. Madya Dr. Hj. Kasim Hj. Md. Mansur selaku tetamu kehormat mencerikan lagi majlis yang berlangsung. Malam Eksekutif merupakan acara kemuncak bagi meraikan bakal-bakal graduan dari SPE selain bagi memberi pengiktirafan kepada pelajar-pelajar yang memperolehi Sijil Dekan menerima sijil masing-masing pada malam tersebut. Pelbagai pihak dari agensi luar turut hadir antaranya wakil dari HOTLINKS, Evergreen, Twins Realty dll. Dekan dalam ucapan perasmian majlis menyarankan agar bakal-bakal graduan dapat menyumbang dalam meningkatkan kecemerlangan SPE dengan mengaktifkan diri mereka dalam Kelab Alumni SPE.